

# Pelan Rekalibrasi PATI kutip RM150 juta

**Putrajaya:** Kerajaan mengutip hampir RM150 juta melalui dua program Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) bermula November tahun lalu sehingga 30 Ogos lalu.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata program bawah Jabatan Imigresen itu akan diteruskan sehingga 31 Disember ini.

Sehingga Isnin lalu, katanya, 301,013 warga asing didaftarkan melalui Pelan Rekalibrasi PATI, iaitu 122,270 yang mendaftar untuk pulang ke negara asal dan 178,743 lagi warga asing serta 8,544 majikan mendaftar untuk program rekalibrasi tenaga kerja.

Daripada jumlah yang memilih untuk pulang, beliau berkata,

ta, 101,851 sudah kembali ke negara asal dengan kutipan hasil RM59,171,400.

“Apabila lakukan ini, kita mohon mereka membayar wang cagar dan kita mengutip RM87,591,000.

“Ini bermakna kita memperoleh cagar dan keseluruhannya pada program ini kira-kira RM150

juta,” katanya pada sidang media pertama selepas kembali ke Kementerian Dalam Negeri (KDN), semalam.

Pada masa sama, Hamzah berkata, sehingga 30 Ogos lalu, sebanyak 2,388 operasi dilaksanakan Jabatan Imigresen dengan 60,170 pemeriksaan dan 11,112 tangkapan PATI serta 110 majikan.

Beliau berkata, ketika ini kapasiti 21,150 tahanan di Depoh Jabatan Imigresen mencencang 94 peratus apabila menempatkan 19,848 PATI yang ditahan.

Beliau berkata, KDN akan meneruskan segala perancangan dasar dalam Pelan Strategik KDN 2021-2025 serta cadangan pindaan akta dan undang-undang seperti Akta Penyalgunaan Dadah dan Substans serta Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM).

Selain itu, Hamzah berkata, beliau sudah mengarahkan pegawaiannya untuk menghubungi kira-kira 8,000 daripada 57,478 peserta principial dan tanggungan program Malaysia Rumah Kedua (MM2H) yang didapat tidak

bermastaun di negara ini.

“Kita perlu benar-benar melihat perkara ini. Saya tidak mahu memberi jawapan hari ini (sama ada kelulusan diberikan akan ditarik balik atau sebaliknya).

“Ketika ini, kita sudah mengarahkan pegawai untuk benar-benar melihat perkara ini, termasuk menghubungi mereka dan bertanya apa sebenarnya hasrat mereka untuk terus menjadi peserta program MM2H dalam negara kita,” katanya.

Sebelum itu, Hamzah berkata, kerajaan sudah melakukan penambahbaikan kepada syarat permohonan Program MM2H, namun peserta sedia ada diminta tidak gusar dengan usaha yang dijalankan kerajaan itu.



Program bawah Jabatan Imigresen itu akan diteruskan sehingga 31 Disember ini

*Hamzah Zainuddin,  
Menteri Dalam Negeri*